

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 FEBRUARI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 18

Daftar PADU selepas 31 Mac mungkin terlepas bantuan kerajaan

Daftar PADU selepas 31 Mac mungkin terlepas bantuan kerajaan

PETALING JAYA: Orang ramai masih boleh mengemas kini sistem Pangkalan Data Utama (PADU) walaupun terlepas untuk mengisi data mereka sebelum 31 Mac.

Bagaimanapun, mereka mungkin terlepas bantuan dan program-program dari pada kerajaan selepas tarikh tersebut dan harus menunggu lebih lama untuk pengemaskinian PADU dibuka semula.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Uzir Mahidin berkata, PADU menjadi tulang belakang kepada kerajaan dalam menyalurkan bantuan secara efektif kepada orang ramai.

“Kita beri tempoh dari awal Januari sehingga penghujung Mac untuk beri peluang kepada orang ramai mengemas

kini data mereka dan mengharapkan orang tidak ketinggalan.

“Pendaftaran kali ini kita muktamad akan menutup tarikh kemas kini sehingga 31 Mac dan pastinya akan membuka kembali pengemaskinian sebanyak satu atau dua kali setahun,” katanya.

Setakat ini, Selangor mencatatkan rekod pengemaskinian tertinggi iaitu 4.24 juta orang diikuti Johor dengan 2.77 juta orang dan Sarawak iaitu 1.97 juta orang.

“Kita harap kemas kini ini meningkat tanpa menunggu 31 Mac ini untuk elak sistem menjadi sesak.

“Jika orang ramai memahami fungsi PADU, sudah tentu mereka tidak akan menggahu mengisi data mereka untuk menerima segala bentuk bantuan kerajaan,” katanya.